



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

---

#### **MOSTI TECH TALKS 2025 – FROM SOIL TO SILICON: MALAYSIA'S REE ADVANTAGE IN THE GLOBAL RACE**

---

**BANGI, 23 April 2025** – Penganjuran MOSTI *Tech Talks* siri kedua kali ini dengan topik, '**From Soil to Silicon: Malaysia's REE Advantage in the Global Race**' diadakan di Akademia Siber Teknopolis Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan MOSTI bersama UKM sebagai penganjur bersama.

Dalam ucapannya, YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata "**Unsur Nadir Bumi (REE) Malaysia menawarkan peluang ekonomi yang besar**, dengan anggaran simpanan sebanyak **16.1 juta tan** bernilai sehingga **RM809 bilion**, serta jangkaan sumbangan kepada **KDNK sebanyak RM9.5 bilion menjelang tahun 2025**, yang bakal mewujudkan hampir **25,000 peluang pekerjaan baharu**. Disokong oleh rangka kerja seperti *New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030)*, Malaysia berhasrat untuk memanfaatkan sepenuhnya **18 juta tan potensi NR-REE (REE bukan radioaktif)**, yang berpotensi menarik lebih daripada **RM100 bilion dalam pelaburan**".

Program diteruskan dengan perkongsian oleh YB Menteri, sebagai panel utama yang memulakan sesi perkongsian dengan topik *From Soil to Silicon: Malaysia's REE Advantage in the Global Race*. Seterusnya, melalui panel kedua, **YBhg. Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz**, yang merupakan **Pengasas and Pengarah Urusan, Global Rare Earth Technology**, sebuah syarikat perundingan dalam bidang teknikal, pembangunan teknologi dan pengurusan nadir bumi. Beliau telah berkongsikan mengenai kepentingan REE dalam teknologi moden dan perkembangan industri nadir bumi di Malaysia.

Segmen terakhir adalah sesi soal jawab yang berlangsung dengan pelbagai soalan menarik daripada para peserta. Sesi yang dikendalikan oleh YBrs. Puan Ida Semurni binti Abdullah Ali, Ketua Pegawai Operasi Malaysian-Industry Government Group for High Technology (MIGHT) ini berlangsung hampir sejam.

Selaras dengan prinsip Malaysia MADANI dan fokus Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berteraskan konsep P.R.E.C.I.SE – People Centric, R&D, Enculturate, Capacity Building, Investment, dan Start-ups Ecosystem – yang diperkenalkan oleh YB Menteri sejak 2023, setiap program yang dilaksanakan hendaklah memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Pendekatan ini memastikan sains, teknologi dan inovasi (STI) dapat dirasai dan dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat dalam kehidupan seharian. Bagi menyokong aspirasi ini, **MOSTI Tech Talks 2025** telah diperkenalkan dengan YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, sebagai panel utama.

Program siri kedua *Tech Talks* pada hari ini melibatkan pengurusan tertinggi MOSTI dan telah menerima sambutan yang amat menggalakkan, dengan kehadiran lebih 250 orang peserta, termasuk kakitangan MOSTI dan pelajar universiti. MOSTI Tech Talks menjadi platform penting untuk menyebarkan pengetahuan STI serta menggalakkan interaksi langsung antara kepimpinan kementerian dan masyarakat akademik.

**#TAMAT#**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**23 APRIL 2025**